

0017

R 0100 AAB

MAHATHIR - PERINDUSTRIAN (ANALISIS BERITA)  
OLEH AZHAN UJANG

KUALA LUMPUR, 11 SEPT (BERNAMA) -- USAHA KE ARAH MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN MENJELANG AKHIR ABAD INI SEDANG DIPERSIAPKAN DI TENGAH-TENGAH PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MELEBIHI JANGKAAN DAN KEMUNCULAN INDUSTRI PEMBUATAN SEBAGAI SEKTOR EKONOMI YANG TERBESAR MENGGANTIKAN SEKTOR KOMODITI UTAMA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERI JAMINAN YANG TERKUAT SETAKAT INI BAHAWA MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN BUKAN LAGI MERUPAKAN SUATU IMPIAN SEMATA-MATA.

PADA MAJLIS HAKAN MALAM TAHUNAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN DI SINI ISMIM LEPAS, BELIAU TELAH MENGGARISKAN ARAH YANG HARUS DITUJUI OLEH MALAYSIA UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF INI.

KATA PERDANA MENTERI, PILIHAN STRATEGI EKONOMI YANG NYATA BAGI MALAYSIA IALAH DENGAN MENGELUARKAN BARANGAN TAMBAH-NILAI YANG TINGGI YANG DOLEH DI BUAT SECARA BERSAING DENGAN MENGGUNAKAN SUMBER ASLI NEGARA.

STRATEGI INI MUNGKIN MENANDAKAN PERUBAHAN PENTING DALAM PENDEKATAN NEGARA BAGI PROGRAM PERINDUSTRIANNYA PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG MENANDASKAN IA TELAH +MENCUBA NASIB+ DI BIDANG INDUSTRI BERAT PADA AWAL TAHUN-TAHUN LAPAN PULUHAN YANG BELUM MENCAPAI PERSAINGAN PASARAN. -- LAGI

1013HST 11 09 88

0017

R 0101 AAB

MAHATHIR - PERINDUSTRIAN 2 KUALA LUMPUR (ANALISIS BERITA)

PENDEKATAN YANG DIAMBIL MELALUI INDUSTRI BERAT UNTUK MENGERAKKAN JENTERA PERINDUSTRIAN TELAH MEMBANA KEPADA TERTUBUHNYA PERBAGANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) YANG DIMILIKI OLEH KERAJAAN, YANG ANTARA LAIN TELAH MEMUJUKKAN KILANG RAKSASA KELULI DAN MENSELUARKAN KERETA NASIONAL.

BAGAIMAPUN, PELABURAN INDUSTRI-INDUSTRI BERMILAI BERIBU-RIBU JUTA RINGGIT ITU MENGALANI PELBAGAI MASALAH UTAMA YANG AKHIRNYA MEMERLUKAN PENYUSUMAN SEMULA OPERASI Masing-masing BAGI MENJAMIN DAYA BAJU PROJEK-PROJEK TERSEBUT.

MUNGKIN INILAH YANG DINAKSUDKAN OLEH PERDANA MENTERI KETIKA BELIAU MENERITAHU AHLI-AHLI BANK PADA JANUAM ITU) +DENGAN SAIZ TEMAGA BURUH KITA YANG KECIL DAN TAHAP PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG ADA SEKARANG, KITA TIDAK BOLEH BERSAING DENGAN JEPUN, KOREA SELATAN DAN TAIWAN DI BIDANG TEKNOLOGI TINGGI DAN KEJURUTERAAN.

+MASANYA SUDAH TIBA BAGI KITA UNTUK MELUPAKAN MASALAH-MASALAH YANG KITA HADAPI PADA PERTENGSAHAN TAHUN-TAHUN LAPAN PULUHAN DAN MEMANDANG KE ABAD YANG AKAN DATANG, IAITU ABAD KE-21.+

SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA TELAH BERKEMBANG HANYA DALAM MASA SATU DEKAD KEDEKALANGAN INI DARIPADA KEGIATAN EKONOMI YANG KECIL KEPADA KEBUDUKANNYA SEKARANG SEBAGAI JENTERA PENGGERAK EKONOMI TERPENTING DAN BERPOTENSI TINGGI. -- LAGI

1018HST 11 09 88

0020

R 8102 AAB

MAHATHIR - PERINDUSTRIAN 3 KUALA LUMPUR (ANALISIS BERITA)

PERSOALAN YANG PENTING KE ARAH PENCAPAIAN TARAF NEGARA PERINDUSTRIAN BAGI MALAYSIA IALAH JENIS BARANGAN YANG IA PERLU KELUARKAN TANPA DIBEDAKAN DENGAN MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL SEMASA NEGARA +BERPOYA-POYA+ DENGAN INDUSTRI-INDUSTRI BERAT DAHULU.

AHLI-AHLI EKONOMI MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA PANDANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MALAYSIA MESTI MENGELUARKAN LEBIH BANYAK BARANGAN TANBAH-NILAI ADALAH MAJAR KERANA STRATEGI INILAH YANG TELAH MENJADIKAN EKONOMI JEPUN SEBAGAI YANG PALING BERKESAN DI DUNIA, SEMENTARA KOREA SELATAN DAN TAIWAN JUGA TELAH MENCATAT PRESTASI EKONOMI YANG TINGGI DENGAN BERBUAT DEMIKIAN.

MALAYSIA, DARI SUATU SUDUT LAIN, MENDAPAT MANFAAT DARIPADA STRATEGI JEPUN ITU YANG MEMBANA KEPADA PENINDAHAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG MENIMBULKAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR. KILANG-KILANG SEUMPAMA INI DIPINDAHKAN TERUTAMA KEPADA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI SUMBER TENAGA YANG MURAH DAN, SEPERTI KATA SEORANG AHLI EKONOMI, +KE NEGARA-NEGARA YANG TIDAK BEGITU SENSITIF TERHADAP PENCEMARAN ALAM SEKITAR.+

+TETAPI KITA TIDAK SEMESTINYA MENJADI SEPERTI SINGAPURA, TAIWAN ATAU KOREA SELATAN ... TUMPUAN KITA HARUS KEPADA INDUSTRI BERASASKAN SUMBER ASLI NEGARA SEPERTI SUMBER-SUMBER TENAGA YANG TERDAPAT DENGAN BANYAKNYA. JADI APA YANG PERDANA MENTERI FIKIRKAN ADALAH SATU LANGKAH BIJAK,+ KATA SEORANG AHLI EKONOMI.

KELEDIHAN PERBANDINGAN DI ANTARA SEKTOR PENBUATAN DAN SEKTOR KOMODITI IALAH BAHAWA NEGARA BOLEH MENGELUARKAN BARANGAN PEMBUATAN TANPA HADNYA TETAPI PENGELUARAN KOMODITI NYATA DIRINTANGI OLEH SEKATAN-SEKATAN TERTENTU.

-- LAGI

1021NST 11 07 82

0026

R 8107 AAB

MAHATHIR - PERINDUSTRIAN 4 KUALA LUMPUR (ANALISIS BERITA)

DENGAN PERTUMBUHAN YANG PESAT SEKALIPUN, JUMLAH EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN DARI MALAYSIA, YANG MENCATATKAN KENAIKAN 38 PERATUS KEPADA \$3,700 JUTA DALAM SUKU PERTAMA TAHUN INI DARIPADA TEMPON YANG SAMA TAHUN LEPAS, TIDAK AKAN MENGANCAM MAMA-MAMA PASARAN.

MESKIPUN INDUSTRI PEMBUATAN SEKARANG MERUPAKAN SEKTOR TERBESAR DALAM EKONOMI NEGARA, IAITU 22.4 PERATUS DARIPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KONKO), JUMLAH EKSPORT TAHUNAN BARANGAN PEMBUATAN MALAYSIA LEBIH KECIL DARIPADA PERMINTAAN TAHUNAN BAGI BARANGAN PERMAINAN DI AMERIKA SYARIKAT.

SATU ALIRAN YANG MUNCUL DALAM PASARAN DUNIA SEKARANG IALAH SI PENGGUNA MEMERLUKAN PILIHAN YANG LEBIH LUAS BAGI BARANGAN YANG SAMA. DENGAN KATA LAIN, PENGGUNA MAHUKAN BARANGAN YANG DIBUAT MENEPATI WARNA, SAIZ DAN BENTUK PILIHANNYA SERTA HARGA YANG BERSAING.

MENURUT PERDANA MENTERI, DENGAN INSENTIF DAN GALAKAN YANG SEMAJARNYA, PARA USAHAWAN MALAYSIA AKAN DAPAT MENGELUARKAN BARANGAN-BARANGAN YANG MENDAPAT TEMPAT DI PASARAN YANG SERBA KOMPETITIF.

+KITA HANYA PERLU MELIHAT BAGAIMANA EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN KITA PADA HARI INI AKAN DAPAT MELEBIHI EKSPORT MINYAK BAGI MENYEDARAKAN KITA TENTANG POTENSI INDUSTRI ITU,+ KATA BELIAU PADA JAMUAN ISMIN LEPAS. -- LAGI

1034NST 11 07 82

0021

R 0103 AAB  
MAHATHIR - PERINDUSTRIAN 5 KUALA LUMPUR (ANALISIS BERITA)

SETAKAT INIPUN, MALAYSIA SUDAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA RANGKAIAN KEGIATAN PEMBUATAN YANG MERANGKUMI DUNIA, DENGAN SATU-SATU BARANGAN DISUNBERKAN DARI SELURUH DUNIA SEBELUM IA DIPASANG DAN DIJUAL KE PASARAN AKHIR.

SEKTOR PEMBUATAN YANG BERLANDASKAN SUMBER-SUMBER ASLI YANG DIJANGKA MENJADI NADI KEPADA NEGARA PERINDUSTRIAN MALAYSIA PADA MASA INI SEDANG MENCATAT PRESTASI YANG AMAT MENGALAKKAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA.

PARA PELABUR ASING, TERUTAMA DARI TAIWAN, JEPUN DAN AMERIKA SYARIKAT, SEDANG BERPUSU-PUSU KE NEGARA INI UNTUK MEMBINA KILANG DI ESTET-ESTET PERINDUSTRIAN DAN ZON-ZON SEBAS CUKAI DI SELURUH NEGARA.

EKORAN TAWARAN SYARAT-SYARAT PELABURAN YANG LEBIH MENARIK DAN MISI-MISI PELABURAN NEGARA YANG SEMAKIN BERCORAK PENGKHUSUSAN, BILANGAN PROJEK PEMBUATAN YANG DILULUSKAN DALAM TUJUH BULAN PERTAMA TAHUN INI BERTAMBAH KEPADA 336, IAITU LEBIH TIGA PROJEK DARIPADA TENPOH YANG SAMA TAHUN LEPAS.

PROJEK-PROJEK INI DIJANGKA MEMBANA MASUK PELABURAN MODAL SEBANYAK 44,380 JUTA DAN MENUJUDKAN SEBANYAK 64,000 PEKERJAAN, MENURUT MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ. -- LAGI

1023MST 11 09 88

0018

U 0105 AAB  
(ULANGAN MEMBETULKAN PARA AKHIR) R'R'R'

MAHATHIR - PERINDUSTRIAN 6 KUALA LUMPUR (ANALISIS BERITA)

DARIPADA 336 PROJEK YANG DILULUSKAN ITU, 301 MERUPAKAN PROJEK BARU SEHENTARA BAKINYA PROJEK TAMBAHAN PELABURAN.

EKSPORT BARANGAN DILAPORKAN BERKEMBANG DENGAN PESAT TAHUN INI, DENGAN PERTUMBUHAN DUA ANGKA DICATAT OLEH KESEMUA JENIS BARANGAN, MENURUT BULETIN SUKU TAHUN TERBARU BANK NEGARA.

KEMAIKAN YANG LUARBIASA SEHINGGA 79.8 PERATUS DICATAT BAGI BARANGAN KINI SEHENTARA SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI YANG MENGELUARKAN KOMPONEN ELEKTRONIK MENCATATKAN PERTUMBUHAN EKSPORT SEBANYAK 32.8 PERATUS DERBANDING DENGAN KEMAIKAN 19.2 PERATUS BAGI SUKU TERAKHIR TAHUN LEPAS.

EKSPORT KOMPONEN ELEKTRONIK MENCAPI NILAI LEBIH \$2,000 JUTA BAGI SUKU PERTAMA TAHUN INI, IAITU LEBIH SATU PERTIGA DARIPADA JUMLAH EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN NEGARA.

STATISTIK RASMI TERBARU MENUNJUKKAN MALAYSIA SEKALI LAGI MENCAPI KADAR PERTUMBUHAN YANG TINGGI SEPERTI YANG BERLAKU PADA AKHIR TAHUN-TAHUN TUJUH PULUHAN, DENGAN ANGKA KONK SEBENARNYA UNTUK ENAM BULAN PERTAMA TAHUN INI NAIK KEPADA SEMBILAN PERATUS DISERTAI DENGAN KADAR INFLASI YANG RENDAH.

KADAR PERTUMBUHAN PADA SUKU TAHUN KEDUA PULA MENJANGKAU KE PARAS 10.5 PERATUS, JAUH LEBIH TINGGI DIBANDINGKAN DENGAN KEMEROSOTAN YANG DIALAMI TAHUN LEPAS, IAITU CUNA DUA PERATUS, DAN TAHUN 1986 1.2 PERATUS. -- LAGI

1015MST 11 09 88

R 0106 AAB

MAHATHIR - PERINDUSTRIAN 7 KUALA LUMPUR (ANALISIS BERITA)

SEPERTI YANG PERDANA MENTERI SENDIRI AKUI, FAKTOR YANG BOLEH MENYEKAT USAHA MENJADIKAN MALAYSIA SESUAI NEGARA PERINDUSTRIAN IALAH KESANGGUPAN RAKYAT UNTUK BEKERJA KUAT SERTA BERSAING, DAN BUKANNYA KEPAKARAN ATAU TEKNOLOGI YANG BOLEH DIPEROLEHI.

KALANGAN INDUSTRI PULA BERPENDAPAT, SATU SEBAB MUMASABAH YANG AKAN MENDESAK NEGARA SUPAYA MEMPERCEPATKAN PROGRAM PERINDUSTRIANNYA IALAH KADAR PENGANGGURAN YANG KIAN MENINGKAT YANG PADA TAHUN LALU BERADA PADA PARAS SEMBILAN PERATUS.

MENTERI KEWANGAN DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN SEMASA MEMBENTANGKAN BELANJAWAN NEGARA BAGI TAHUN 1988 PADA TAHUN LEPAS, MENYIFATKAN MASALAH PENGANGGURAN SEBAGAI +SATU GEJALA YANG MENGANCAM+ EKONOMI NEGARA, MEMANDANGKAN KIRA-KIRA 170,000 PENCARI KERJA MEMASUKI PASARAN PEKERJAAN SETIAP TAHUN.

BAGAIMANAPUN, AHLI-AHLI EKONOMI BERKATA, KADAR PENGANGGURAN DI MALAYSIA MENJADI SERIUS KERANA PARA PENCARI KERJA, TERUTAMA SISWAZAH YANG DILANGAN MEREKA BERTAMBAH DENGAN BANYAKNYA, TIDAK BERSEEDIA UNTUK MEMILIH PEKERJAAN-PEKERJAAN YANG MEREKA ANGGAP TIDAK SETARAF DENGAN KELULUSAN MEREKA. HAL INILAH YANG JUSA BERLAKU DI THAILAND DAN FILIPINA.

+BAGAIMANAPUN, PENGANGGURAN BERKEMUNGKINAN MENJADI SATU MASALAH POLITIK YANG SERIUS,+ KATA SEORANG AHLI EKONOMI.

DENGAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIJANGKA DIAMBIL BAGI MEMPERBAIKI LAGI DAYA PERSAINGAN NEGARA, IMPIAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA MUNGKIN MENJADI KENYATAAN LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN. -- BERNAMA  
1032MST 11 09 82